

PERSEPSI GURU DAN TAHAP PELAKSANAAN AKTIVITI RUTIN MERENTASI KURIKULUM DI SEKOLAH AGAMA NEGERI JOHOR (Teacher's Perceptions And The Level Of Implementation Of Routine Activities Beyond The Curriculum In Religious Schools Of Johor State)

* Zety Azlin Elias¹, Nasrul Hisyam Nor Muhamad¹

¹Fakulti Tamadun Islam
Universiti Teknologi Malaysia
81310 Johor Bahru, Johor, Malaysia.

*Corresponding author's email: zety.azlin@yahoo.com

Article History:

Submit: 22 August 2017

Accepted: 9 October 2017

Revised: 19 December 2017

Published: 28 December 2017

Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education

Vol. 1, No. 2 (2017), 113-123

Abstrak

Pengamalan ilmu agama dalam kalangan pelajar adalah merupakan tanggungjawab ke atas setiap ibubapa, pendidik dan masyarakat. Tanggungjawab guru bukan hanya menyampaikan ilmu, malah memastikan bahawa kandungan ilmu itu sangat difahami dan dihayati oleh pelajar. Aktiviti Rutin Merentasi Kurikulum (ARMK) merupakan satu aktiviti yang boleh dijadikan 'support program' kepada guru untuk dilaksanakan di dalam bilik darjah. Oleh itu, kajian ini adalah untuk mengkaji persepsi guru terhadap ARMK dan adakah aktiviti tersebut dilaksanakan sebagaimana yang diarahkan oleh pihak yang bertanggungjawab. Kajian secara kuantitatif menggunakan rekabentuk kajian tinjauan ini dijalankan ke atas guru yang mengajar di Sekolah Agama di Zon Sedili, Kota Tinggi iaitu seramai 40 orang responden keseluruhannya. Ia dijalankan dengan mengedarkan soal selidik yang dijawab secara sendiri oleh responden. Analisis data dalam kajian ini adalah menggunakan perisian SPSS (Statistical Package for Social Sciences) versi 2.0. Dapatan kajian menunjukkan bahawa objektif pertama mengenai persepsi guru terhadap ARMK adalah ditahap min yang tinggi iaitu 4.05, manakala bagi objektif kedua mengenai tahap pelaksanaan ARMK pula menunjukkan guru-guru telah mengetahui dan akur dengan arahan pelaksanaannya dengan dapatan skor min 3.88.

Kata Kunci: Pendidikan Islam, Sekolah Agama, Pengajaran dan Pembelajaran, Aktiviti Rutin Merentasi Kurikulum

Abstract

Practicing religious knowledge among students is a responsibility of every parent, educator and also society. Teachers' responsibility is not only to deliver knowledge, but also to ensure that the contents of knowledge are well understood and appreciated by students. Routine Activities beyond the Curriculum (ARMK) is a support program for teachers to be implemented in the classrooms. Therefore, this study is to examine the teacher's perception of ARMK and whether such activities are carried out as directed by the responsible party. This quantitative study through surveying method was conducted on teachers teaching at Religious Schools in Sedili Zone, Kota Tinggi, with 40 respondents in total. It was conducted by distributing questionnaires that were answered independently by the respondents. Data analysis in this study was using SPSS (Statistical Package for Social Sciences) version 2.0. The findings show that the first objective of teachers' perceptions of ARMK was the high mean of 4.05, while for the second objective of the implementation of ARMK, the teachers are aware of and have agreed with the instructions to its implementation with a mean score of 3.88.

Keywords: Islamic Education, Religious Schools, Teaching and Learning, Routine Activities beyond the Curriculum

1.0 PENGENALAN

Pendidikan agama merupakan perkara yang utama dalam pembentukan sahsiah diri individu untuk menjadi panduan bagi menjalani kehidupan di dunia dan menuju ke akhirat. Peranan ibubapa adalah untuk menyediakan persekitaran kehidupan yang dilalui mempunyai unsur-unsur atau suasana keagamaan. Di samping itu juga, ibubapa yang mendidik anak-anak hendaklah memastikan agar anak-anak dapat menghafaz dan mengamalkan surah-surah atau bacaan-bacaan amalan harian tertentu agar ia menjadi panduan seharian bermula dari mereka dilahirkan sehinggalah mereka dewasa kelak. Dengan kata lain, untuk mendapatkan ilmu pengetahuan, manusia perlu membaca bahan-bahan berupa tulisan yang mengandungi ilmu pengetahuan (al-Alaq 9:1-5).

Salah satu daripada objektif penubuhan Sekolah Agama Kerajaan Johor adalah untuk menyediakan dan memberi kemudahan pelajaran dan pembelajaran termasuklah ilmu fardu ain dan fardu kifayah yang bertujuan untuk meningkatkan kefahaman Islam ke peringkat yang lebih tinggi seterusnya membentuk peribadi Muslim yang beriman dan bertaqwa kepada Allah. Oleh itu, seorang pendidik bertanggungjawab untuk melahirkan pelajar yang celik agama, beriman, beramal, berakhlak murni dan berketrampilan menerusi pendidikan yang terancang, bertahap dan berkesan (Jabatan Agama Islam Johor, 2008). Seorang pelajar seharusnya diajar untuk melakukan perkara-perkara yang boleh diamalkan sepanjang hidupnya seperti bacaan-bacaan dalam solat, doa-doa harian, mengaji, berzikir seperti yang dianjurkan oleh Allah SWT dan seperti yang diamalkan oleh Rasulullah SAW. Manakala sebagai seorang pendidik, guru bertanggungjawab memastikan setiap aktiviti rutin pelajar adalah seperti yang disyariatkan dan sentiasa diamalkan. Ia bertujuan untuk memastikan bahawa setiap amalan yang dilakukan dapat dihayati dan menjadikan mereka menyedari tanggungjawab mereka sebagai seorang Muslim (al-Maidah 5:9).

2.0 LATAR BELAKANG MASALAH

Kajian ini dijalankan untuk mengkaji tentang bagaimana guru menjalankan arahan dari pihak atasan iaitu pelaksanaan Aktiviti Rutin Merentasi Kurikulum (ARMK) yang perlu dijalankan ke atas semua pelajar Sekolah Agama Kerajaan Johor darjah 1 hingga 6. Di antara bacaan-bacaan yang ditetapkan adalah meliputi bacaan *syabadah*, selawat, niat *wudhu'*, niat solat fardhu, doa selepas *wudhu'*, bacaan *ruku'*, bacaan *iktidal* dan sebagainya. Bacaan-bacaan ini akan dibaca sebelum masuk ke dalam bilik darjah dan sebelum pelajar diedarkan pulang. Namun begitu, adakah semua guru melaksanakannya atau adakah semua guru melibatkan diri untuk pelaksanaan aktiviti tersebut. Begitu juga keberkesananannya kepada pelajar, adakah ia berkesan atau sebaliknya. Seorang guru yang komited sudah pasti akan memikul tanggungjawab dengan penuh dedikasi, kreatif dan inovatif yang bertujuan melahirkan generasi akan datang yang cemerlang di dunia dan akhirat.

Terdapat juga dalam kalangan guru yang tidak menitikberatkan arahan yang diberikan oleh pihak atasan dengan memberikan pelbagai alasan contohnya bagi aktiviti ini tidak melibatkan waktu PdP untuk sesi yang pertama. Kesannya objektif pelaksanaan tidak dapat dicapai dengan berkesan. Di samping itu juga terdapat juga guru yang tidak memberi tumpuan kepada pelajar yang lemah dan lambat untuk menguasai proses hafazan tersebut. Ini menyebabkan terhasilnya pelajar yang tiada perubahan aktiviti hafazannya.

Oleh itu, semua guru hendaklah membantu pelajar memanfaatkan masa pembelajaran mereka di sekolah dengan amalan seperti membaca dan menghafaz berama-ramai di samping menghidupkan suasana pembelajaran yang kondusif melalui semarak al-Quran, surah hafazan, doa harian dan lain-lain. Di samping itu juga, pelajar boleh dididik secara langsung bagaimana membaca al-Quran dengan baik dan bertajwid, menghayatinya dan memahami pengajaran yang terkandung di dalamnya.

3.0 PERNYATAAN MASALAH

Pelaksanaan ARMK amatlah digalakkan dijalankan di sekolah bagi kesinambungan mempelajari ilmu-ilmu agama di sekolah. Aktiviti ini merupakan *support program* kepada guru, oleh itu jika ia dilaksanakan kemenjadian yang dicadangkan pasti akan berkesan. Ia menjadi penambah baik kepada kaedah PdP berkesan kerana ia

melibatkan tanggungjawab yang menitikberatkan setiap pelajar dapat membaca al-Quran mengikut hukum bacaan yang betul, memahaminya serta menghayati pengajaran bagi setiap ayat dan kalimah yang dibaca di samping boleh menghafaz surah-surah pilihan. Bagi menilai keberkesanan aktiviti ini, setiap guru adalah tidak digalakkan untuk melaksanakannya mengikut kesempatan, sambil lewa atau lainnya, sebagai contoh apabila seorang pelajar itu telah menghafaz ayat al-Quran tertentu, maka ia boleh terus mengingatinya dengan membacanya setiap hari daripada ia hanya dibaca pada masa-masa tertentu sahaja. Kajian ini bertujuan untuk meninjau persepsi guru terhadap ARMK, mengenalpasti pelaksanaan dan penglibatan guru terhadap aktiviti ini dan keberkesannya terhadap pelajar. Ia termasuklah penguasaan guru terhadap ilmu, merancang aktiviti atau teknik pembelajaran yang berkesan. Kajian ini dijalankan dalam kalangan guru yang mengajar di sekolah-sekolah agama Zon Sedili, Kota Tinggi. Aktiviti ini dijalankan ke atas pelajar mengikut kesesuaian dan tahap umur mereka.

Kajian ini juga adalah kajian lanjutan bagi kajian sebelum ini yang berkaitan dengan PdP berkaitan cara-cara meningkatkan prestasi hafazan pelajar, penguasaan pelajar dalam membaca al-Quran dan bagaimana guru membantu pelajar yang lemah dalam bacaan al-Quran.

4.0 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah :

- a) Menenalpasti persepsi guru terhadap pelaksanaan Aktiviti Rutin Merentasi Kurikulum (ARMK)
- b) Menenalpasti tahap pelaksanaan terhadap Aktiviti Rutin Merentasi Kurikulum (ARMK).

5.0 PERSOALAN KAJIAN

Berdasarkan objektif dalam kajian ini, beberapa persoalan telah difokuskan iaitu;

- a) Apakah persepsi guru terhadap Garis Panduan Pelaksanaan Aktiviti Rutin Merentasi Kurikulum?
- b) Apakah tahap pelaksanaan terhadap Aktiviti Rutin Merentasi Kurikulum (ARMK)?

6.0 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini mempunyai kepentingan kepada mereka yang terlibat dalam pelaksanaannya terutama pada Bahagian Pendidikan, Jabatan Agama Johor, Pejabat Pendidikan Islam Daerah pihak sekolah dan pelajar. Pelaksanaan kajian ini melibatkan pelbagai pihak dan memberi kesan secara langsung atau tidak secara langsung kepada pihak yang menggubal dan pelaksana.

6.1 Bahagian Pendidikan, Jabatan Agama Johor

Kajian ini dapat memberi maklumbalas kepada pihak yang menggubal aktiviti ini agar dapat mengkaji dan menyemak dasar yang dianjurkan ini samada ia sesuai dilaksanakan atau sebaliknya. Di samping itu juga, ia boleh menjadi penanda aras kepada pihak jabatan untuk mengkaji atau membuat penambah baik aktiviti ini berdasarkan maklumbalas dari responden selaku penggerak utama aktiviti ini.

6.2 Pegawai Pendidikan Islam Daerah

Kajian ini juga memberi panduan kepada Pegawai Pendidikan Islam Daerah selaku pengendali dan penggerak kepada pemantapan aktiviti ini di peringkat daerah. Ia berdasarkan laporan yang dihantar oleh pihak sekolah kepada mereka untuk semakan peningkatan prestasi pelajar dan meninjau pelaksanaannya. Ini adalah kerana di dalam laporan tersebut, pihak sekolah perlu merekodkan jumlah hari pelaksanaannya serta kelas yang dapat melaksanakannya dengan sempurna. Ia boleh menjadi aspek penilaian samada aktiviti ini sesuai dilaksanakan atau sebaliknya, seterusnya merangka penambahbaikannya sekiranya terdapat kelemahan yang perlu diperbaiki.

6.3 Pihak Sekolah

Kajian ini boleh memberi peluang kepada guru untuk menilai samada aktiviti ini memberikan kesan atau hasil yang menepati matlamat yang dicadangkan atau tidak. Oleh itu, sekiranya ia masih terdapat kelemahan, maka penambahbaikan perlu diambil bagi peningkatan yang lebih baik berpandukan kepada dapatan analisis kajian. Setiap maklumbalas yang diperolehi perlu diperhalusi untuk menjadikan aktiviti ini lebih baik dari sebelumnya. Ia juga sebagai galakan kepada guru untuk memperbaiki kaedah PdP yang dijalankan demi kecemerlangan pelajar.

6.4 Pelajar

Kajian ini sudah pastinya akan memberi kesan yang baik kepada pelajar kerana melaluinya akan dapat menambah kemahiran pelajar dari segi teknik hafazan doa-doa serta surah tertentu, jadi penambah baik perlu diambil agar ia merupakan satu aktiviti yang sangat memberi kesan yang baik pada masa kini dan akan datang.

7.0 BATASAN KAJIAN

Kajian ini telah dijalankan ke atas guru yang mengajar di sekolah agama Zon Sedili, Kota Tinggi melibatkan 40 orang responden dari 8 buah sekolah serta tidak melibatkan guru dari zon yang lain. Zon Sedili merupakan zon kecil yang terdapat di dalam Zon 2 yang terdiri dari 17 buah sekolah keseluruhannya.

8.0 KAJIAN LITERATUR

Terdapat kajian yang telah dijalankan oleh beberapa penyelidik tentang teknik PdP di sekolah terutama kaedah pendidikan hafazan dan Tilawah al-Quran. Antaranya adalah kajian yang dijalankan oleh Abdul Hafiz dan Norhanan (2010), mengenai Kaedah Hafazan al-Quran Sistem Turki yang dijalankan di Tahfiz al-Quran Darul Tuba. Dapatan kajian tersebut menunjukkan terdapat pelbagai kaedah yang efektif yang boleh dipraktikkan untuk menarik minat pelajar menghafaz dan mendalami al-Quran. Objektif kajiannya untuk melahirkan golongan profesional yang bertunjangan jiwanya dengan al-Quran di samping mewujudkan sistem hafazan yang sistematik dan efisien.

Kajian juga dijalankan oleh Nur Aznida (2009), bertajuk “Meningkatkan Bacaan al-Quran Di Kalangan Pelajar Tingkatan 2 Bijak Dengan Menggunakan Kaedah Tutor Sebaya”, di mana objektifnya ialah meningkatkan penguasaan pelajar membaca al-Quran mengikut hukum tajwid.

Manakala kajian oleh pelajar DPLI Universiti Kebangsaan Malaysia (2009) mengenai “Meningkatkan Penguasaan al-Quran Dalam Kalangan Pelajar Tingkatan 1 dan 2 Sekolah Methodist Laki-laki Kuala Lumpur Dengan Menggunakan Kaedah *Talaqqi* dan *Musyafahah*”. Dapatan kajiannya terdapat pelajar yang baik dan lemah dalam pembacaan al-Quran. Jadi, kaedah yang dicadangkan adalah penggunaan *naqib (mentee)* menjadikan pelajar dapat mengetahui teknik bacaan yang betul. Ia dapat menarik minat pelajar agar dapat membaca dengan tepat dan betul dari segi *makbraj* dan tajwid berpandukan guru dan *naqib*.

Jadual 1 : Jadual Kurikulum di SAKNJ bagi Tahap Satu

| Bil | Tahap Satu (Darjah 1, 2 dan 3) |
|-----|--------------------------------|
| 1 | Tilawah al-Quran dan Hafazan |
| 2 | Pendidikan Tauhid |
| 3 | Pendidikan Ibadat |
| 4 | Pendidikan Akhlak |
| 5 | Pendidikan Sirah |
| 6 | Pendidikan al-Lughatul Arabiah |
| 7 | Pendidikan Jawi |
| 8 | Pendidikan Tajwid |
| 9 | Pendidikan Amali |

Sumber: Saat Abd Jabar (2007)

Jadual 2 : Jadual Kurikulum di SAKNJ bagi Tahap Dua

| Bil | Tahap Dua (Darjah 4,5 dan 6) |
|-----|--|
| 1 | Pendidikan Tilawah al-Quran dan Hafazan |
| 2 | Pendidikan Tilawah Pemahaman al-Quran (PTPQ) |
| 3 | Pendidikan Tauhid |
| 4 | Pendidikan Ibadat |
| 5 | Pendidikan Ibadat 2 |
| 6 | Pendidikan Akhlak |
| 7 | Pendidikan Sirah |
| 8 | Pendidikan al-Lughatul Arabiah |
| 9 | Pendidikan Tafsir al-Quran |
| 10 | Pendidikan Tajwid |
| 11 | Pendidikan Amali |

Sumber: Saat Abd Jabar (2007)

Di Sekolah Agama Kerajaan Johor, kurikulum yang diajar adalah sebagaimana yang dinyatakan pada Jadual 1 dan Jadual 2.

Mata pelajaran yang dipelajari mempunyai silibus yang sesuai dengan tahap pelajar. Oleh itu pengwujudan pekeliling mengenai ARMK ini bertujuan untuk penambahbaik kurikulum yang sedia ada. Pekeliling Bahagian Pendidikan Jabatan Agama Johor, Bilangan 6 Tahun 2012, mencadangkan Panduan Pelaksanaan Aktiviti Rutin Merentasi Kurikulum (ARMK) di Sekolah Agama Kerajaan Johor. Tujuan pekeliling ini dikeluarkan adalah untuk dijadikan panduan bagi meningkatkan kemenjadian pelajar dan membaiki iklim budaya amalan PdP di sekolah. Rasional bagi garis panduan ini adalah sebagaimana berikut :

- a) Menyeragamkan aktiviti bacaan rutin pelajar sebelum memulakan kelas bagi mata pelajaran pertama, dan sebelum pulang masa akhir. Oleh itu, ARMK yang dicadangkan, diharapkan akan dapat merubah iklim budaya tersebut.
- b) Membantu amalan penghayatan pelajar khususnya bacaan-bacaan dalam solat, hafazan al-Quran, bacaan *Asmaulhusna*, doa-doa harian dan sebagainya.
- c) Memanfaatkan waktu dengan membaca dan menghafaz secara beramai-ramai bacaan-bacaan solat, surah-surah hafazan dan *Asmaulhusna* serta doa-doa harian.
- d) Menghidupkan suasana pembelajaran di Sekolah Agama melalui semarak bacaan ayat-ayat suci al-Quran dan lain-lain oleh semua pelajar.

Kaedah pelaksanaannya sebagaimana berikut :

- a) ARMK hendaklah dijalankan pada dua sesi iaitu sesi pertama (10 minit sebelum masuk kelas), dan sesi kedua (antara 5 hingga 10 minit sebelum pulang masa akhir). Semua kelas dilibatkan secara langsung bagi pelaksanaannya.
- b) Bagi sesi pertama, ianya hendaklah dilaksanakan walaupun dengan kehadiran pelajar yang sedikit. Pihak sekolah perlu memaklumkan kepada semua ibu bapa atau penjaga agar memberikan kerjasama untuk memastikan anak-anak mereka hadir lebih awal di sekolah (10 minit). Bagi menjayakan sesi ini, guru masa yang pertama atau guru yang bertugas harian/mingguan atau guru kelas atau pengawas atau juga ketua darjah diwajibkan terlibat sebagai fasilitator.
- c) Bagi sesi kedua, ianya boleh dilaksanakan sekiranya pihak sekolah merasakan ianya tidak mengganggu PdP masa akhir atau tidak mengganggu urusan ibu bapa atau penjaga mengambil anak. Bagi menjayakannya, guru masa akhir setiap kelas diwajibkan terlibat sebagai fasilitator.

Kurikulum adalah alat untuk mencapai tujuan pendidikan, di samping ia sering berubah-ubah selari dengan perubahan teknologi dan ilmu pengetahuan. Manakala prinsip umum kurikulum ialah ia berkait dengan agama, prinsip universal, seimbang dengan tujuan dan misi kurikulum dengan aspek kehidupan, ada perbezaan (*fleksibel*), prinsip perkembangan dan perubahan yang selaras dengan semua elemen yang terlibat dengannya (Muhaimin, 2003).

Menurut Kamarul Azmi dan Ab Halim (2007), bagi meningkatkan keberkesanan teknik PdP agar ia kelihatan menarik dan berkesan adalah penggunaan kaedah multimedia yang menggabungkan teks, kesan bunyi, vokal, muzik, animasi, video serta perisian komputer yang interaktif. Kaedah-kaedah ini boleh membawa perubahan dalam sistem pendidikan seperti kaedah guru mengajar, cara murid belajar, corak pembelajaran, aktiviti pengajaran, budaya sekolah, penilaian dan pengurusan pendidikan. Selain daripada itu, keberkesanan menarik atau tidak sesuatu PdP masih tertakluk kepada kebolehan, kemampuan dan kemahiran yang ada pada seorang guru. Seorang guru perlu menguasai ilmu yang luas dan mendalam bagi menghasilkan PdP yang baik dan mantap.

9.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dijalankan menggunakan kaedah deskriptif iaitu kajian tinjauan menggunakan instrument edaran soal selidik kepada responden. Menurut Mohd Najib (2003) penyelidikan jenis ini bermatlamat untuk menerangkan fenomena yang sedang berlaku. Responden menjawab soalan menerusi borang soal selidik secara sendiri. Kajian ini dibuat untuk mendapatkan maklumbalas mengenai objektif kajian yang telah ditetapkan sebelum ini.

9.1 Instrumen Kajian

Bahagian A mengandungi soalan-soalan yang berkaitan dengan maklumat tentang latarbelakang responden termasuklah jantina, umur, tempoh mengajar dan gred jawatan. Manakala bahagian B mengandungi soalan yang berkaitan dengan persepsi guru tentang Pelaksanaan Aktiviti Rutin Merentasi Kurikulum (ARMK).

Jadual 3: Persepsi guru tentang pelaksanaan Aktiviti Rutin Merentasi Kurikulum (ARMK)

| Bil | Tema | Nombor Item |
|-----|---|------------------------------|
| 1 | Persepsi guru tentang pelaksanaan Aktiviti Rutin Merentasi Kurikulum (ARMK) | 1, 2, 3, 4, 5,6, 7, 8, 9, 10 |

Manakala bahagian C menjuruskan soalan-soalan berkaitan dengan pelaksanaan guru terhadap aktiviti tersebut.

Jadual 4: Pelaksanaan Aktiviti Rutin Merentasi Kurikulum (ARMK)

| Bil | Tema | Nombor Item |
|-----|---|--|
| 1 | Pelaksanaan Aktiviti Rutin Merentasi Kurikulum (ARMK) | 11, 12, 13, 14, 15, 16, 17, 18, 19, 20 |

Data kajian adalah dalam bentuk kuantitatif dan dipaparkan dalam jadual kekerapan dan peratusan. Keputusannya berpandukan soalan kajian yang disediakan. Semua responden menjawab soalan yang diberikan secara sendiri dan penyelidik membuat analisis sebagaimana yang ditunjukkan.

9.2 Analisis Kajian

Dapatan kajian bagi Bahagian A adalah sebagaimana berikut :

1. Latar Belakang Responden Mengikut Jantina

Jumlah keseluruhan responden adalah seramai 40 orang. Responden terdiri dari 3 orang (7.5%) kaum lelaki dan 37 orang (92.5%) kaum perempuan.

2. Latar Belakang Responden Mengikut Umur

Jadual 5 menunjukkan taburan responden mengikut umur. Seramai 3 orang responden (7.5%) berumur antara 20 hingga 30 tahun. 15 orang responden (37.5%) berumur antara 31 hingga 40 tahun dan seramai 22 orang responden (55.0%) berumur 41 tahun ke atas.

Jadual 5 : Taburan responden mengikut umur

| Umur | Kekerapan | Peratus (%) |
|-----------------|-----------|-------------|
| 20 – 30 tahun | 3 | 7.5 |
| 31 – 40 tahun | 15 | 37.5 |
| 41 tahun keatas | 22 | 55.0 |
| Jumlah | 40 | 100% |

n = 40

3. Latar Belakang Responden Mengikut Tempoh Mengajar

Jadual 6 menunjukkan taburan responden mengikut tempoh mengajar. Terdapat 6 orang responden (15.0%) yang telah mengajar antara 1 hingga 10 tahun. 27 responden (67.5%) menunjukkan tempoh mengajar antara 11 hingga 20 tahun. Manakala 7 responden (17.5%) mempunyai tempoh mengajar 21 tahun keatas.

Jadual 6 : Taburan responden mengikut tempoh mengajar

| Tempoh Mengajar | Kekerapan | Peratus (%) |
|-----------------|-----------|-------------|
| 1 – 10 tahun | 6 | 15.0 |
| 11 – 20 tahun | 27 | 67.5 |
| 21 tahun keatas | 7 | 17.5 |
| Jumlah | 40 | 100% |

n = 40

Latar Belakang Responden Mengikut Gred Jawatan

Jadual 7 menunjukkan taburan responden mengikut gred jawatan. Terdapat 10 orang responden (25.0%) merupakan guru KAFA, 5 orang responden (12.5%) adalah guru bergred jawatan DB 17. Manakala terdapat 24 orang responden (60.0%) adalah guru bergred jawatan DGA 29 dan terdapat satu responden (2.5%) bergred jawatan DG 32.

Jadual 7 : Taburan responden mengikut gred jawatan

| Gred Jawatan | Kekerapan | Peratus (%) |
|--------------|-----------|-------------|
| KAFA | 10 | 25.0 |
| DB 17 | 5 | 12.5 |
| DGA 29 | 24 | 60.0 |
| DG 32 | 1 | 2.5 |
| Lain-lain | 0 | 0 |
| Jumlah | 40 | 100% |

n = 40

Manakala analisis data bagi Bahagian B pula adalah sebagaimana pada Jadual 8. Jadual menunjukkan maklum balas responden bagi menjawab objektif kajian yang pertama iaitu mengenal persepsi guru terhadap pelaksanaan Aktiviti Rutin Merentasi Kurikulum (ARMK). Min keseluruhan bagi bahagian ini ialah 4.05. Ini menunjukkan objektif kajian 1 pada tahap min yang tinggi.

Jadual 8: Rumusan dapatan kajian mengenai persepsi guru terhadap pelaksanaan Aktiviti Rutin Merentasi Kurikulum (ARMK).

| Item | Perkara | Min |
|------|--|------|
| 1 | Saya telah membaca pekeliling tentang Aktiviti Rutin Merentasi Kurikulum | 4.08 |
| 2 | Saya telah tahu serta memahami pekeliling tentang Aktiviti Rutin Merentasi Kurikulum | 4.00 |
| 3 | Sukatan yang disediakan bagi Darjah 1 adalah sesuai untuk dilaksanakan | 4.13 |
| 4 | Masa yang dicadangkan adalah sesuai untuk melaksanakan Aktiviti Rutin Merentasi Kurikulum | 3.63 |
| 5 | Aktiviti Rutin Merentasi Kurikulum memberi kesan jangka panjang kepada pelajar dari segi menghafaz | 4.35 |

| | | |
|------------------------|---|------|
| 6 | Saya bersetuju dengan cadangan bacaan-bacaan yang dicadangkan bagi Aktiviti Rutin Merentasi Kurikulum | 4.20 |
| 7 | Aktiviti Rutin Merentasi Kurikulum ini sangat membantu guru | 4.28 |
| 8 | Saya berpendapat Aktiviti Rutin Merentasi Kurikulum ini sesuai dilaksanakan setiap hari | 4.03 |
| 9 | Saya berpendapat Aktiviti Rutin Merentasi Kurikulum boleh juga dilaksanakan pada waktu Pendidikan Amali | 4.20 |
| 10 | Tempoh masa 10 minit tidak sesuai untuk melaksanakan Aktiviti Rutin Merentasi Kurikulum | 3.68 |
| Min Keseluruhan : 4.05 | | |

Jadual 9: Rumusan dapatan kajian mengenai pelaksanaan Aktiviti Rutin Merentasi Kurikulum (ARMK).

| Item | Perkara | Min |
|------------------------|--|------|
| 11 | Pihak atasan iaitu Jabatan Agama Johor telah menyampaikan arahan pelaksanaan Aktiviti Rutin Merentasi Kurikulum kepada sekolah-sekolah | 4.13 |
| 12 | Guru Besar telah menyampaikan arahan pelaksanaan Aktiviti Rutin Merentasi Kurikulum | 3.93 |
| 13 | Pihak sekolah telah memaklumkan kepada ibu bapa tentang Aktiviti Rutin Merentasi Kurikulum | 3.60 |
| 14 | Sekolah saya telah melaksanakan Aktiviti Rutin Merentasi Kurikulum | 4.03 |
| 15 | Guru yang bertugas terlibat melaksanakan Aktiviti Rutin Merentasi Kurikulum | 3.95 |
| 16 | Guru menggunakan bahan bantu mengajar (BBM) bagi memudahkan kaedah pembelajaran Aktiviti Rutin Merentasi Kurikulum | 3.88 |
| 17 | Guru telah melibatkan pelajar dengan kaedah latih tubi | 4.10 |
| 18 | Pihak sekolah telah menyelia dan memantau pelaksanaan Aktiviti Rutin Merentasi Kurikulum | 3.78 |
| 19 | Pihak sekolah telah membuat analisis di peringkat sekolah pencapaian pelaksanaan Aktiviti Rutin Merentasi Kurikulum | 3.55 |
| 20 | Guru telah mempelbagaikan kaedah pembelajaran supaya lebih menarik dan mudah | 3.90 |
| Min Keseluruhan : 3.88 | | |

Jadual 9 di atas menunjukkan min keseluruhan yang diperolehi ialah 3.88. Ini menunjukkan semua guru telah menerima dan mengetahui mengenai arahan pelaksanaan Aktiviti Rutin Merentasi Kurikulum (ARMK) kepada sekolah-sekolah dengan skor minnya ialah 4.13.

10.0PERBINCANGAN

Pada keseluruhannya, semua responden didapati memberikan maklumbalas yang positif terhadap aspek yang dikaji. Berdasarkan kajian yang dijalankan, penyelidik mendapati kebanyakan responden telah mempunyai pengalaman mengajar dalam tempoh yang lama dan boleh dianggap matang untuk menyampaikan ilmu kepada pelajar. Di samping itu juga, kebanyakan responden adalah guru yang berjawatan tetap dan sebahagian kecil sahaja yang bertaraf kontrak.

Bagi kajian tentang objektif yang pertama iaitu persepsi guru terhadap pelaksanaan ARMK, secara umumnya didapati responden telah membaca dan memahami pekeliling tentang ARMK di mana ia mempunyai min yang tertinggi iaitu 4.35 dengan dapatan bahawa ARMK boleh memberi kesan jangka panjang kepada pelajar dari segi menghafaz dan kebanyakan responden setuju bahawa ARMK amat membantu guru dalam PdP. Namun begitu, terdapat min yang rendah iaitu 3.63 tentang masa yang dicadangkan didapati tidak sesuai. Kebanyakan responden mengatakan masa pelaksanaannya kurang sesuai dan mencadangkan agar diadakan sahaja pada waktu Pendidikan Amali.

Menerusi dapatan keseluruhan dengan min sebanyak 4.05 menunjukkan persepsi guru tentang pelaksanaan aktiviti ini berada di skala sangat setuju. Ini menunjukkan objektif pertama kajian ini mendapat

respon positif dari responden. Bagi kajian tentang pelaksanaan ARMK dalam kalangan guru pula ialah pada item 11 didapati min 4.13 yang menunjukkan tentang arahan pelaksanaan tersebut telah di terima dan diguna pakai oleh guru. Kebanyakan item responden bersetuju bahawa guru besar telah menyampaikan arahan tersebut dan melaksanakannya seperti yang diarahkan. Di samping itu, responden bersetuju dengan dapatan min 3.90 bagi item 15 iaitu bahawa guru telah mempelbagaikan kaedah PdP supaya ia lebih menarik dan mudah. Ia bersesuaian dengan Rohana (2010), mengatakan pendidikan seharusnya bertujuan membangunkan potensi manusia secara menyeluruh sebagai persediaan bagi membolehkan manusia memainkan peranannya. Ia selari dengan kajian Nur Aznida (2009), yang menggunakan kaedah ujian tilawah kepada pelajar serta mengadakan penilaian khas kepada pelajar bagi mengetahui tahap pencapaian mereka.

Manakala bagi item 16 dengan min 3.88, guru menggunakan kaedah pembelajaran ARMK selari dengan kajian Mohd Firdaus (2008) yang mendapati BBM dapat menarik minat pelajar untuk mempelajari sesuatu pelajaran. Bagi item 17, min yang diperolehi adalah 4.10 di mana responden bersetuju guru ada melibatkan pelajar dengan kaedah latih tubi. Ia selari dengan kajian Abdul Hafiz (2005), iaitu guru adalah tunjang merealisasikan teknik dan kaedah yang diterapkan sama ada melalui kelancaran, hafazan mahupun ulangan kerana ia boleh memantapkan lagi teknik hafazan pelajar. Bagi keseluruhan objektif kedua ini didapati min adalah 3.88 yang menunjukkan bahawa responden memberi respon positif terhadap pelaksanaan ARMK ini.

Berdasarkan dapatan dan analisis kajian yang dijalankan, objektif pertama dan kedua yang disasarkan dapat dicapai kerana majoriti guru telah memahami dan membaca pekeliling ARMK, oleh itu mereka mengetahui objektif dan kepentingan aktiviti tersebut. Di samping itu juga, guru sangat setuju dengan sukatan yang disediakan kerana ia tidak terlalu sukar untuk dilaksanakan seperti hafazan dan kerap kali dilaksanakan dan diamalkan dalam kehidupan mereka. Aktiviti ini juga didapati sesuai dilaksanakan kerana ia memberi kesan jangka panjang di samping ia dinilai di dalam peperiksaan setengah dan akhir tahun. Oleh itu, sekiranya latihan menghafaz dilatih mengikut teknik yang betul, ia akan memudahkan mereka untuk terus mengingati dan menghafaz agar ia semakin mantap.

Bagi pelaksanaan ARMK pula, diantara cara yang digunakan oleh guru adalah menggunakan BBM seperti buku panduan ARMK mengikut darjah dan dilaksanakan dengan kaedah latih tubi. Pihak sekolah terutamanya pengurusan akademik telah menyelia dan memantau pelaksanaan ARMK dan membuat analisis di peringkat sekolah dan menghantar laporan tersebut ke PPID sebagai bukti pelaksanaan tersebut.

Beberapa cadangan dikemukakan dalam kajian ini seperti tentang penglibatan ibubapa untuk menghantar anak mereka ke sekolah mengikut waktu yang ditetapkan. Pihak sekolah boleh mengambil langkah mengedarkan surat makluman atau hebahan melalui aplikasi telefon kepada ibubapa atau penjaga. Di samping itu juga tentang sukatan yang digunakan, adalah lebih baik ia dimasukkan dalam mata pelajaran Pendidikan Amali. Item ini dipersetujui kerana setelah aktiviti ini dijalankan, guru mendapati kehadiran pelajar tidak mengikut waktu yang dicadangkan, oleh itu mereka bersetuju sekiranya ia dimasukkan dalam sukatan pelajaran Pendidikan Amali. Bagi mata pelajaran ini, guru akan lebih fokus kepada sukatan yang diberikan, di samping mengikut masa yang diperuntukan. Jadi, risiko kekurangan pelajar sewaktu aktiviti dijalankan adalah ditahap minima. Guru juga digalakan untuk memainkan peranan mereka agar kaedah yang digunakan untuk melaksanakan aktiviti tersebut menarik minat pelajar. Ia termasuklah seperti mencipta situasi dan bahan yang boleh mencetuskan idea dan fikiran kreatif untuk menghafaz bersesuaian dengan perkembangan tahap umur mereka. Contohnya bernasyid, menyanyi, memasang audio untuk bacaan-bacaan tertentu dan teknik berlagu. Guru juga digalakkan untuk merekodkan jadual hafazan pelajar untuk memastikan semua pelajar terlibat dengan aktiviti hafazan di samping boleh dinilai keseluruhan penglibatan pelajar.

Berdasarkan analisis, perbincangan, rumusan dan cadangan yang dilakukan, rumusan boleh dibuat tentang persepsi guru terhadap ARMK adalah ditahap yang sangat baik. Objektif pelaksanaan juga didapati tercapai di mana kesungguhan guru boleh dinilai dengan kepelbagaian teknik pengajaran untuk kecemerlangan pelajar. Oleh itu, kemenjadian pelajar yang diharapkan akan dapat dicapai sekiranya teknik dan kaedah yang berkesan serta kreatif dapat dilaksanakan sebagaimana yang dicadangkan. Sebagai seorang guru, perubahan dalam sistem pendidikan akan menjadikan peranan dan tugas guru semakin berat dan mencabar. Ianya akan melibatkan bidang teknologi, pedagogi dan lainnya yang memberikan implikasi yang pesat pada dunia pendidikan. Oleh itu, seorang guru perlu menerimanya dengan hati terbuka dengan merancang dan

merencanakan perubahan yang boleh memajukan teknik pendidikan agar selari dengan arus pembangunan (Lokman dan Chua, 2008; 2010; *al-Isra' 17:9*).

Apabila dilihat kepada fenomena pendidikan masa kini, terdapat juga kelemahan pada guru tentang penguasaan ilmu, pengkaedahan PdP, penggunaan atau pengaplikasian ICT dalam pendidikan terutama pada PdP, selain keperibadian dan personaliti (Ab.Halim, 2010; Syed Najmudin *et.al*, 2009; Kamarul Azmi, 2010; Siti Fatimah & Ab. Halim, 2010; Kamarul Azmi *et.al*, 2011; Nor Fadhlina, 2014) di mana perkara-perkara tersebut telah dikesan dalam sistem pendidikan di sekolah. Sebagaimana kajian yang dijalankan oleh Othman dan Lukman (2007) menyatakan bahawa kebanyakan guru yang mengajar pelajaran agama masih terikat dengan kaedah pengajaran tradisi dan kurang mempunyai kemahiran dan keupayaan mengintegrasikan teknologi maklumat dalam PdP yang dijalankan terutama mata pelajaran agama. Oleh itu, walau pelbagai bentuk pendidikan yang dihadapi oleh guru samada bagi mata pelajaran hafazan, tilawah atau lainnya, seorang guru hendaklah berusaha untuk menjana kecemerlangan minda dan menguasai pelbagai ilmu yang berkaitan dengan tugasnya terutamanya kaedah dan teknik dalam proses PdP (Zaharah & Ab.Halim, 2007; Nor Fadhlina, 2014).

Apabila dikaitkan dengan tahap pelaksanaan guru terhadap kaedah ARMK yang di gariskan oleh pihak yang berkenaan, kepelbagaian kaedah PdP yang kreatif dan inovatif akan berjaya mencorakan perkembangan minda, emosi, sikap dan nilai pelajar. Ini adalah kerana, dalam Islam, seorang guru mempunyai tanggungjawab yang besar dan sangat berperanan sewaktu menjayakan matlamat pendidikan Islam (Al-Kaylani, 2005). Ia sangat berperanan kerana melibatkan pengajaran ilmu agama yang menjadi panduan hidup dan pembangunan diri insan secara menyeluruh untuk matlamat dunia dan akhirat (Al-Kaylani, 2005; Halim *et.al*, 2012; *al-Shad* 38:67).

11.0 KESIMPULAN

Berdasarkan kepada dapatan kajian serta perbincangan yang diutarakan, seorang guru perlu meningkatkan tahap profesionalisme pada tugas mereka dengan menjayakan serta melaksanakan arahan yang diberikan oleh pihak yang terlibat dengan pekerjaan mereka. Selain dari kaedah atau aktiviti yang dicadangkan, seorang guru perlu mempelbagaikan teknik pengajarannya agar selari dengan perkembangan pesat sistem pendidikan negara. Seorang guru juga perlu meningkatkan tahap pengetahuan dan kreativitinya untuk menarik minat pelajar agar sesi pembelajaran yang diikuti oleh mereka menarik serta berkesan. Bagi teknik pengajaran dan pembelajaran hafazan, tilawah al-Quran dan sebagainya, kepelbagaian cara perlu diberi perhatian agar setiap pelajar yang dilahirkan di sekolah-sekolah agama menjadi pelajar yang berketrampilan, mengetahui kewajipan mereka sebagai Muslim, tidak mengabaikan kewajipan hakiki dengan mengutamakan al-Quran dan seterusnya menjadi hamba Allah yang diredhai dan dirahmati.

12.0 RUJUKAN

- Abd. Hafiz Abdullah (2005). Sistem Pembelajaran dan Kaedah Hafazan al-Quran yang Efektif: Satu kajian di Kuala Lumpur dan Trengganu. Skudai. Universiti Teknologi Malaysia.
- Abdul Hafiz Abdullah dan Norhanan Abdul Rahman (2010). Kaedah Hafazan al-Quran Sistem Turki: Kajian di Tahfiz al-Quran Darul Tuba. Universiti Teknologi Malaysia.
- Abdul Halim Abdul Majid, Nik Maheran Nik Mohamad dan Rosni Abd Wahid (2010). Peranan Program Latihan Sumber Manusia Dalam Meningkatkan Prestasi Kerja. Artikel Pengurusan Sumber Manusia. Universiti Utara Malaysia.
- Al-Kaylani, Majid Arsan (2005). Ahdaf al-Tarbiyyah al-Islamiyyah, Dubai: Dar al-Qalam, Emiriah Arab Bersatu.
- Al-Quran Syeikh Abdullah B Muhammad Basmeih (2000). Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran 30 Juzu'. Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- Buku Multaqa Ulamak dan Ilmuan Darul Takzim (2013). Kerajaan Negeri Johor dengan Kerjasama Majlis Agama Islam Negeri Johor.

- Kamarul Azmi Jasmi (2010). Guru Cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah di Malaysia. Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia. Tidak diterbitkan.
- Kamarul Azmi Jasmi dan Ab.Halim Tamuri (2007). Pendidikan Islam Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran. Penerbit UTM Press.
- Kamarul Azmi Jasmi, Mohd Faez Ilias, Ab. Halim Tamuri dan Mohd Izham Mohd Hamzah (2011). Amalan Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Dalam Kalangan Guru Cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah di Malaysia. *Journal of Islamic & Arabic Education* 3 (1). Hlmn 59-74.
- Lokman Mohd Tahir dan Chua Lay Kah (2008). Keperluan Latihan Berbentuk Kursus Untuk Guru Besar. Tesis Sarjana. Fakulti Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Najib Abdul Ghafar (2003). Reka Bentuk Tinjauan Soal Selidik Pendidikan. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia
- Nor Fadhlina Nawawi (2014). Hubungan Antara Pengajaran dan Pembelajaran Keperibadian dan Kemahiran Guru Pendidikan Islam Dengan Motivasi Pelajar. Tesis Sarjana Muda Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia. Tidak diterbitkan.
- Othman b Md Johan & Lukman (2007). Persepsi Guru-guru Pendidikan Islam Terhadap Penggunaan ICT Untuk Tujuan Pengajaran dan Pembelajaran di Sekolah Kebangsaan di Daerah Kluang. Diakses dari eprints.utm.my//11802/1
- Rohana Hamzah (2010). Mengenal Manusia Asas Pembangunan Pendidikan Berkualiti. Penerbit UTM Press.
- Siti Fatimah Ahmad dan Ab.Halim Tamuri (2010). Persepsi Guru Terhadap Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Berasaskan Multimedia Dalam Pengajaran j-Qaf. *Journal of Islamic and Arabic Education* 2 (2). hlmn. 53-64.
- Syed Najmuddin Syed Hassa, Ab.Halim Tamuri, Ishak Othaman, Mohd Sabri Mamat (2009). Kajian Persepsi Pelajar Terhadap Profesionalisme Guru Pendidikan Islam MRSM, *Journal of Islamic And Arabic Education* 1 (2). Hlmn. 31-50.
- Zaharah Hussin dan Ab.Halim Tamuri (2007). Terhadap Ilmu dan Strategi Mendidik Akhlak Pelajar di Sekolah: Kaedah Memperkasakan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Prosiding Seminar Kebangsaan Isu-Isu Pendidikan Negara Ketiga : Dasar Pelaksanaan Ke Arah Pengukuhan Hala Tuju Dasar Pendidikan Negara. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Hlmn 325-334.